



Kumpulan Rentas Parti Parliment Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing

KRPPM mengenai Pendanaan Politik menggesa libat urus diadakan sebelum RUU dana Politik diangkat semula

Kuala Lumpur, 24 Mei 2023: Kumpulan Rentas Parti Politik Parliment Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik menyambut baik komitmen Dato' Seri Azalina Othman Said, Menteri Undang-undang dan Reformasi Institusi untuk mengangkat semula RUU Dana Politik untuk kelulusan dasar baharu oleh Jemaah Menteri. Dalam jawapan beliau kepada YB Khoo Poay Tiong, Dato' Seri Azalina antara lainnya menekankan kepentingan libat urus bersama parti-parti politik dan pihak berkepentingan yang lain. Beliau juga berkata bahawa RUU Dana Politik tersebut akan dirujuk kepada Jawatuankuasa Pilihan Khas.

Kami menyeru supaya sesi libat urus juga diadakan bersama kumpulan kami. RUU Persendirian yang kami hantar kepada Dewan Rakyat tahun lepas mengandungi beberapa saranan penting yang juga dibangkitkan oleh YB Khoo, contohnya pembiayaan awam untuk parti politik. Pembiayaan awam untuk parti politik boleh membantu menampung kos operasi parti politik dan membentuk sistem politik yang lebih saksama. Kami juga menyarankan penubuhan Suruhanjaya Pendaan Politik sebagai badan pemantau bebas untuk mengawalselia proses pengisytiharan dana oleh parti-parti politik. Kumpulan kami amat berbesar hati untuk mengadakan pertemuan bersama Dato' Seri Azalina dalam masa yang terdekat.

TAMAT

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

Aira Azhari
Pengurus Kanan, IDEAS
012-6646059, aira@ideas.org.my

Salsabila Abdul Manan
Eksekutif Penyelidikan, IDEAS
018-9126204, salsabila@ideas.org.my



Kumpulan Rentas Parti Parlimen Malaysia (KRPPM) mengenai Pendanaan Politik

All-Party Parliamentary Group Malaysia (APPGM) on Political Financing

Anggota KRPPM mengenai Pendanaan Politik Parlimen ke-15

Ahli Parlimen

1. YB Tuan Wong Chen (PKR - Subang) (Pengerusi)
2. YB Datuk Seri Panglima Wilfred Madius Tangau (UPKO - Tuaran) (Timbalan Pengerusi)
3. YB Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien (PBM - Julau) (Setiausaha)
4. YB Dato' Sri Saifuddin Abdullah (PPBM - Indera Mahkota) (Bendahari)
5. YB Tuan Ahmad Fahmi Mohamed Fadzil (PKR - Lembah Pantai)
6. YB Tuan Haji Adly Zahari (Amanah - Alor Gajah)
7. YB Lukanisman Awang Sauni (PBB - Sibuti)
8. YB Puan Wong Shu Qi (DAP - Kluang)
9. YB Tuan Syed Saddiq Syed Abdul Rahman (MUDA - Muar)

Senator

1. YB Tuan Hasbie Muda (Amanah)

Ahli CSO

1. Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS) (Sekretariat)
2. Centre to Combat Corruption and Cronyism (C4)
3. Bersih
4. Rasuah Busters
5. Transparency-International Malaysia
6. Dr. Edmund Terence Gomez (Pakar)
7. Puan Maha Balakrishnan (Pakar)
8. Andrew Khoo (Pakar)